

16 DEC 1999

KOH ARAH SEMUA ANGGOTA EXCO ISYTIHAR HARTA MASING-MASING

PULAU PINANG, 16 Dis (Bernama) -- Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini mengarahkan semua Anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) mengisytiharkan harta masing-masing.

Beliau berkata, mereka diberikan tempoh dua bulan mulai hari ini untuk berbuat demikian

"Kesemua 10 anggota Exco itu, termasuk tiga anggota baru perlu mengisytiharkan harta mereka kepada saya," katanya kepada pemberita selepas majlis perlantikan dan mengangkat sumpah jawatan Exco di hadapan Yang Dipertua Negeri, Tun Dr Hamdan Sheikh Tahir di sini, hari ini.

Koh berkata, beliau sendiri akan mengisytiharkan hartanya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam sedikit masa lagi.

-- BERNAMA

NER PR